


Pengenalan Industri Sistem Pintu & Kunci Keselamatan Maksima Oleh Safety2u Security Door & Grille Dengan Kerjasama Southern Folger (Southern Steel & Folger Adam).



KEPAKARAN MEMBINA JERJI BERKAITAN DENGAN SOP PEGAWAI DAN PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG.

Pasaran lazimnya keliru dengan isu perbezaan antara pembekalan kunci dengan reka bentuk, pengilangan dan pemasangan pintu dan jerji keselamatan. Pasaran yang hanya menggunakan khidmat buruh kasar dan bukan pakar pemasangan dalam industri keselamatan berakhir dengan membina produk jerji yang lemah dan tidak selamat. Kesannya pengguna tidak dapat beroperasi dan kerajaan terpaksa mengeluarkan dana untuk baik pulih, juga menjadi sebuah pembaziran wang kerajaan.

JENAMA SERTA PRODUK SAFETY2U SECURITY FENCE & GRILLE (Safety2u SFG).

Safety2u SFG telah terbukti berpengalaman dalam perniagaan penyelesaian keselamatan dengan lebih 15 tahun pengaktifan di dalam industri ini. Safety2u SFG berkemahiran dalam pembinaan dan penyelenggaraan lokap-lokap, pintu kebal dan sebagainya terutamanya pada Kementerian Dalam Negeri agensi-agensi di bawahnya, Tentera, Mahkamah, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan banyak lagi. Safety2u SFG telah menangani masalah keselamatan yang dihadapi dengan cara memastikan pintu, jerji dan kunci sesuai dengan garis panduan keselamatan seperti menggunakan bahan bekalan asli dan isu kepada tahanan yang selalu melarikan diri dan membahayakan pegawai. Ini adalah untuk memastikan tahap dan kepuasan kepada pengguna adalah menyeluruh di setiap peringkat.

KEJUTERAAN TERPERINCI



Industri Pembinaan keselamatan adalah mustahak dan berkaitan dengan isu di atas. Antaranya adalah ketebalan seperti kelaziman berlaku:

A. MILD STEEL HOLLOW FRAME:

1. Ketebalan *mild steel hollow frame* sewajarnya 3mm minima atau sebaiknya 5 mm minima.
2. Saiz bagi hollow frame pula bergantung kepada bebanan besi panel, bingkai pintu dan pintu. Saiz hollow frame berubah dari 100mm x 75 sehingga 100 x 100mm bergantung kepada rekabentuk semasa.
3. Ketebalan *mild steel hollow frame* berkaitan dengan pemasangan secara kimpalan agar besi tidak bengkok, skru keselamatan jenis *Pin Tamper Torx Security Flat Head With Counter Sunk Size ¼-20UCN* boleh dipasang dengan kemas dan selamat pada *ASTM hinges, bolt keeper* dan sebagainya.



4. Ketebalan ini juga membantu pemasangan dari sudut monolitik di mana starter bar akan mengikat setiap sudut jeriji atau bingkai di mana ia mengukuhkan kedudukan besi yang berat.

B. JERJI & PEMASANGAN **MONOLITHIC**



1. **MONOLITHIC** dalam konteks pembinaan keselamatan.

a. Apakah itu **MONOLITHIC**?

Pembinaan **MONOLITHIC** berkaitan dengan pemasangan yang tepat secara urutan berperingkat agar ia bersepadu sebagai satu sistem (contohnya seperti set bingkai pintu, set panel tingkap dan set jeriji keselamatan). Elemen pembinaan keselamatan diterapkan melalui penggunaan keluli separa keras (KSK) yang dikimpal bersama tetulang struktur keluli pada dinding konkrit. Ia dilakukan sebelum kerja akhir ditutup sepenuhnya melalui acuan dan campuran batu, simen serta konkrit yang setara pada semua peringkat kemas dinding.

b. Mengapa **MONOLITHIC**?

Penyelesaian pembinaan keselamatan jangka panjang dan tahan lama. Ini memerlukan tetulang antara panel dan dinding konkrit dikimpal secara seragam (*uniform*). Ia juga terbukti apabila kemas akhir tiada rekahan, campuran bahan konkrit yang tidak setara. Ia menjamin keutuhan serta kestabilan pembinaan keselamatan apabila panyatuan besi dilakukan sebelum kerja simen dimulakan kemudian diawet bagi kemas akhir. Ia juga dikenali sebagai pembinaan yang mengutamakan integriti keselamatan.

2. Pemasangan panel jeriji, tingkap dan pintu memerlukan kaedah pemasangan **monolithic** bermula dari peringkat perancangan sebelum pembinaan dijalankan. Struktur besi perlu digabungkan bersama struktur konkrit *rebar* bangunan (*uniform*) bagi mengukuhkan ketahanan pemasangan jeriji dan pintu keselamatan. Kaedah sambungan antara *starter bar* (*round bar & flat bar*) dan besi *rebar* dalam konkrit secara langsung mengikut asas ujian *tensile*. Oleh itu, komponen tambahan tidak selari tidak dibenarkan atau diragui kerana tidak mengikut panduan kejuteraan kerana ia hanya dikimpal dengan cara *spot weld*.



3. Sewajarnya jeriji dikilangkan dahulu bagi koordinasi jadual, *drawings* dan pemasangan yang efektif. Ketinggian panel jeriji juga memainkan peranan bagi mengelakkan banduan memanipulasi untuk digunakan sebagai ruang mencederakan diri dengan mengikat baju sebagai tali gantung diri.
4. Kaedah jadual dan aturan kerja juga berkait rapat dengan pembukaan jeriji yang telah diluluskan oleh pihak perunding. Jeriji yang sudah siap tidak sepatutnya diubah mengikut bukaan dinding di tapak, sebaliknya bukaan dinding di tapak binaan perlu mengikut lakaran jeriji yang sudah diluluskan.
5. *Wire mesh* juga perlu dipasang di kawasan bagi mengelakkan sebarang usaha untuk menembus keluar barangan atau melakukan perbuatan yang tidak diinginkan.
6. *Flat bar* juga sewajarnya dalam ketebalan 12 mm saja dan *round bar* sebesar 20mm lilitan. Ini bagi mengelakkan bebanan tinggi pada jeriji dan pintu.
7. Kaedah membuat lubang serta jarak antara *flat bar* dan *round bar* memerlukan kepakaran di atas bagi mengelakkan daripada besi panas dan bengkok selain faktor keselamatan.



C. ANTI RUST.

1. Kaedah kimpalan perlu diperjelaskan bagi mengelakkan berlaku kerja yang tidak kemas dan akhirnya menyebabkan karat.
2. Kaedah *undercoat* perlu dijelaskan bagi mengelakkan karat.

D. PINTU JERJI DAN SETARAFNYA.

1. Jarak ruang antara bingkai dan daun pintu amat mustahak. Ia memerlukan ruang kosong yang tepat, sebaiknya 3mm di sekeliling daun pintu. Isu ini amat penting kerana ia akan memberi kesan efektif kepada fungsi *security latch*.
2. *Strut bar* di kaki bingkai pintu perlu dipasang bagi memudahkan penanda aras lantai selain memastikan bukaan bingkai pintu sama rata pada semua sudut.
3. Penggunaan serta cara pemasangan ASTM *hinges* yang tepat sebanyak 4 unit bagi menampung berat, operasi harian pintu dan penyelenggaraan.

E. MOUNTING BOX.

1. Ujian ASTM datang bersama dengan *Mounting Box*.
2. Ia mempunyai ciri ketahanan keselamatan selain boleh menyelenggara kunci di dalamnya.

KHIDMAT SELEPAS JUALAN

Tag jaminan perlu diberikan bersama no telefon, tarikh penyerahan untuk jaminan selepas jualan. Jika tiada tag Safety2u maka ia bukanlah dikilangkan dan dipasang oleh Safety2u. **Adalah penting memahami kerja pemasangan jerji dan pembekalan kunci adalah pakej yang berbeza.** Melainkan ia dianugerahkan kepada satu syarikat prinsipal yang pakar dalam kedua-dua bidang. Contoh tag di pintu (luar) sekiranya dikilangkan oleh Safety2u SFG.



SIJIL DENGAN TAHAP PENGIKTIRAFAN TEMPATAN.

Produk pembuatan Safety2u SFG telah bekerjasama rapat dengan pengeluar antarabangsa yang mematuhi tahap keselamatan utama seperti UL (Underwriters Laboratory) dan ASTM (American Society for Testing and Materials). Safety2u SFG juga telah mengikuti sijil yang asli yang berdasarkan pada garis panduan piawaian yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kerja Raya, Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Pertahanan mengikut pada tahap secara tempatan mahupun antarabangsa.

PENGELUARAN OLEH TENAGA MAHIR (BERKELULUSAN) DAN JAMINAN PRODUK.

Setiap produk dijalankan dengan teliti dalam setiap peringkat. Safety2u SFG menyediakan kaedah penyataan kepada pembuatan dan pembinaan jerji, pemasangan dan latihan selepas penjualan bersama lukisan dan gambar-gambar yang dibina beserta rekod ratusan projek yang diluluskan untuk rujukan. Safety2u SFG juga melalui kelulusan pihak berkuasa yang berpengalaman dalam penyerahan tugas dan mematuhi kepada tahap keperluan kebakaran seperti BOMBA, CGSO, Majlis Tempatan, Penguatkuasaan, SUHAKAM dan banyak lagi. Safety2u SFG menyediakan jaminan asli (tidak palsu) dengan harga yang berpatutan melalui pakej di atas beserta kunci keselamatan, cermin keselamatan, peti besi, kunci komersial dan banyak lagi yang dibuat secara langsung dari kilang.

HARGA YANG KOMPETITIF DAN TEMPOH MASA KERJA YANG TERANCANG.

Safety2u SFG menawarkan penjaminan kos sebagai pakej yang komprehensif dengan harga dan pengaturan pembayaran yang dapat dirunding tanpa menjejaskan teknikal, kualiti dan jaminan terutama yang berkaitan kepada keselamatan pegawai yang bertugas. Semasa proses pembuatan, jadual kerja juga disediakan bagi memastikan kerja disusun mengikut pada jangka masa kerja yang perlu disiapkan dan diselesaikan bagi mengelak pada berlakunya waktu tempoh kerja yang berpanjangan.

MERANCANG, MEMBINA, MEMBEKAL, MEMASANG, MENGUJI DAN MENYELENGGARA.

Safety2u SFG juga menawarkan reka bentuk, pakej sistem keselamatan pembinaan dan pemasangan selain bekalan, ujian dan penyelenggaraan. Selain itu, kami mempunyai pembina dan pemasang yang diperakui



untuk merancang, membuat dan memasang dengan pasukan penyelenggaraan yang sah yang bersedia untuk menjalankan servis di seluruh negara. Pasukan ini juga adalah pasukan yang telah berdaftar dengan MOF & CIDB yang berpengalaman dalam bidang tugas mereka. Tambahan juga, Safety2u SFG mempunyai pasukan yang dapat memberikan perkhidmatan selepas jualan. Ini bagi memastikan proses kerja yang dilakukan dalam operasi adalah berjalan dengan baik dan berkesan sebaiknya.

Berikut adalah kajian kes:

Perkara	Emir Bina - Safety2u	Syarikat X
Boleh digabungkan kepakaran, jaminan & penyelenggaraan Jeriji bersama Kunci Lokap	Ada.	
<i>Method Statement.</i>	Ada.	
Lukisan Pembinaan.	Ada.	
Lukisan Seperti Dibina.	Ada.	
Menggunakan Kaedah <i>Precision Engineering CNC Machines.</i>	Ada.	
Sijil SIRIM Dari Kilang Besi.	Ada.	
Pengalaman & Rekod Projek.	Ada.	
Tenaga Kerja Mahir, Berpengalaman Dalam Bidang Seni Bina Keselamatan.	Ada (berdasarkan kelulusan CIDB & MOF).	
Tag Jaminan Di Pintu.	Ada.	
Jadual Kerja.	Ada. 1 ke 3 bulan komitmen dari tempoh pengesahan.	
Operasi Kilang.	Ada.	

MEREKA BENTUK, MEMBINA, MEMBEKAL, MEMASANG, MENGUJI & MENYELENGGARA.

SF-EMIR juga menawarkan pakej mereka bentuk, membina, memasang sistem keselamatan selain daripada membekal, menguji dan menyelenggara. SF-EMIR mengambil ciri-ciri seperti kos, keutamaan operasi dan keselamatan pengawal serta nisbah pegawai dan tahanan. Ini bagi memastikan operasi yang cekap dan berkesan tanpa berkompromi dengan hal ehwal keselamatan dan piagam (SOP) tugas rasmi. Selain itu, sebarang isu kecemasan dapat dihindarkan atau dikawal dengan sebaiknya. MENERUSKAN TRADISI HUBUNGAN AKRAB DI PASARAN. Demi memastikan kesinambungan dan komitmen SF-EMIR sentiasa menepati ciri-ciri dan keperluan pasaran, kami berbesar hati sekiranya diberi peluang untuk bertemu dan berbincang dengan lebih lanjut.

JADUAL & KOORDINASI KERJA (GAGAL MERANCANG, MERANCANG UNTUK GAGAL).



Segala perhatian dan kerjasama amat kami hargai dan dahului dengan ucapan ribuan terima kasih. Sebarang pertanyaan dan maklum balas boleh menghubungi penama seperti melalui info dan penama di pautan berikut: <https://safety2u.com.my/team.php>

Salam Hormat,
EMIR BINA SDN BHD



Your Trusted Contractor & Security Partner

Consultant . Contractor . Engineering . Electrical . SteelWorks . Supplies

PRODUCT: MONOLITHIC

With

Without

